



INFO U\$AHAWAN

usahaawan pemacu ekonomi mapan



TERBITAN EDISI 28: JAN - JUN 2023

PENAUNG

DR ROSMAN MAHMOOD

CHIEF EDITOR / KETUA EDITOR

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

MANAGING EDITOR / EDITOR URUSAN

CIK NOORMALINJASARI ALI

EDITOR

PUAN SUZILA SALLEH

PUAN NASIHA ABDULLAH

PUAN NORHAYATI HUSIN

PUAN ROSEZIAH AZNI ABD GHANI

PUAN 'ATIQAH RASHIDAH ABU SAMAH

PUAN HASMIDA MOHD NOOR

PUAN RASLINA MOHAMED NOR

PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH

ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

DESIGNER / PEREKABENTUK

ENCIK ABDUL RANI JUSOH

PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED



Artikel

MS

Coret-coret Ketua Pengarang	1
Catatan Editor Urusan	2
Khairul Aming Usahawan Sambal	3-4
Malaysia's 2022 Social Media Marketing Trends	5
Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning)	6-7
Susun Atur Kedai Runcit	8
Bamboo Networking Principle among Chinese Entrepreneurs	9-10
Usahawan Robotik di Jepun	11
Apa Perlunya Logistik Halal pada Usahawan?	12-13
Isu-isu Logistik Halal di Malaysia ada Kaitannya pada Usahawann	14-15
'Pekerja yang Penting untuk Usahawan ke arah Prestasi Mampan Organisasi	16-17
Persekutuan Kerja dan Prestasi Pekerja - Satu kupasan awal untuk para usahawan	18-19
Persekutuan Makro dan Mikro untuk Usahawan	20
Usahawan dan Pengurusan Konflik	21
Pembudayaan Keusahawanan di Kalangan Mahasiswa: Usahawan IceLy, Alumni UiTMT	22-24
Dari Desa ke Pentas Dunia	25-26
Cetusan Kreativiti dan Inovasi: Resipi Kejayaan Kek Lapis Premium	27-28
Digitalisasi dan Usahawan Pelancongan Dalam Pasca Pemulihian Covid 19	29
The SME Sustainability Action Guide: A Six Steps Approach to Sustainability Implementation among SMEs in Malaysia	30-31
Green Entrepreneurship: Promoting Sustainable Growth in Malaysia	32-33
Cicak atas Pizza! Nak Sue Siapa Ek?	34-35
Memahami Kemahiran Kepimpinan Digital yang mesti ada pada Usahawan IKS	36-37
Apakah Minda Usahawan Perlu untuk Pastikan Perniagaan Bertahan dan Berkembang?	38
Krisis Perubahan Iklim: Cabaran Baru Mendepani Usahawan	39
Matlamat Melahirkan Usahawan Berorientasikan Kelestarian	40
Kepentingan Pendigitalan kepada Usahawan	41
QR Kod dan Perniagaan	42
Kejohanan Tenis Bersiri Remaja: Mampu Menjana Duit?	43

Coret-coret Ketua Pengarang



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera semua

Edisi ke 28 merupakan edisi terakhir bagi penerbitan buletin Infousahawan bagi tahun 2022. Namun atas banyak faktor lain, kelewatkan berlaku. Dan kami ingin memohon berbanyak kemaafan. Apapun, sungguh cepat masa berlalu. Walau dengan pelbagai cabaran dankekangan,

Alhamdulillah, MASMED UiTM Cawangan Terengganu diberikan kemudahan dan rezeki untuk menunaikan amanah ini. Sokongan bahan penerbitan yang kami terima daripada penulis seluruh Malaysia menjadi faktor utama kesinambungan penerbitan buletin ini dari tahun ke tahun. Idea yang tidak putus diilhamkan ke dalam bentuk penulisan yang begitu banyak memberikan manfaat kepada para pembaca. Penulis juga tidak lokek berkongsi pandangan dan pengalaman yang ada untuk dijadikan rujukan komuniti keusahawanan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada tim penerbitan buletin yang sentiasa komited dan berdedikasi di dalam memastikan setiap bahan disunting dengan baik. Bilangan bahan yang diterima setiap edisi sememangnya sangat banyak. Setiap edisi menyajikan kepelbagaiannya yang menuntut pengalaman dan kesabaran untuk menyiapkan setiap tugasun suntingan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas semua sokongan, sumbangan dan kesabaran yang ditunjukkan baik oleh para penulis mahupun tim penerbitan. Saya juga ingin memohon berbanyak banyak kemaafan di atas apa juga kekurangan dan kekhilafan. Mohon untuk semua terus menyokong Buletin Infousahawan, Inshaa Allah.

Bertemu lagi di edisi mendatang. Terima kasih.

Nik Fazlin Hiryati Nik Jaafar
Ketua Editor

Catatan Editor Urusan



Alhamdulillah syukur kepada llahi kerana atas rahmah dan inayahNya, infousahawan edisi ke 28 telah berjaya diterbitkan sungguhpun pelbagai kekangan terpaksa dihadapi dalam proses penerbitan. Kekangan yang berlaku dan kelewatan proses penerbitan adalah silap saya sendiri kerana pada masa ini penglihatan saya semakin kabur kerana doktor mengesahkan terdapat pendarahan dalam mata yang menyukarkan proses penerbitan berjalan seperti biasa. Ditambah pula dengan keadaan kesihatan yang semakin memburuk kerana faktor usia turut menyebabkan edisi ini tergendala.

Terima kasih kepada ketua editor yang sentiasa bersabar dengan kelemahan saya dan kepada para editor kerana tanpa kalian, edisi ini tidak mampu diterbitkan. Begitu juga dengan pereka grafik yang sudi menjadikan artikel-artikel ini dalam bentuk makalah.

Di kesempatan ini juga, kami ingin memohon ribuan ampun dan maaf atas segala kekhilafan dan kekurangan di pihak kami dan sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami kepada semua pihak yan terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menerbitkan infousahawan ini.

Penghargaan juga kami zahirkan kepada para penyumbang artikel kerana sudi melakarkan hasil karya mereka, tanpa anda, infousahawan ini tidak mungkin dapat diterbitkan dengan jayanya. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada siding redaksi bulletin ini, daripada ketua editor, editor-editor dan pereka grafik dan penyumbang ilustrasi. Semoga segala usaha kita mendapat redha dari Nya.

Terima kasih dan wassalam.

Salam hormat
Noor

Noor Malinjasari Binti Ali
Editor/Penyunting Urusan



Digitalisasi dan Usahawan Pelancongan Dalam Pasca Pemulihian COVID-19

Siti Salina Saidin¹, Nur Aliah Mansor²

¹Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

²Faculty of Business and Finance, UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN, Kampar, Perak, Malaysia

*Email Penulis: salina.s@umk.edu.my

Situasi semasa dan cabaran yang dihadapi negara dalam industri pelancongan dan hospitaliti menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 yang sedang berlaku ini merupakan sebuah krisis berskala global. Pelancongan domestik dan antarabangsa telah berkembang dengan pesat di Malaysia terutamanya sebelum berlakunya pandemik COVID-19. Pendapatan yang diperoleh pada tahun 2019 sebanyak RM 86.14 billion dengan ketibaan 26.1 juta pelancong melalui industri pelancongan dan hospitaliti membuktikan industri pelancongan dan hospitaliti antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara.

Antara komponen perbelanjaan pelancong yang tertinggi sebelum pandemik COVID-19 adalah aktiviti beli beldah (33.6%), diikuti oleh penginapan (24%) dan makanan dan minuman (13.3%) [1]. Manakala semasa era pandemik, industri pelancongan dan hospitaliti berada dalam keadaan yang kritikal terutamanya apabila melibatkan pelancongan domestik dan antarabangsa kerana pergerakan rakyat Malaysia terbatas akibat perintah kawalan pergerakan (PKP). Ianya terbukti apabila pada tahun 2020 negara hanya menerima ketibaan 4.33 juta pelancong dengan penurunan sebanyak 83.4% [2].

Digitalisasi adalah proses membuat atau memperbaiki proses perniagaan dengan menggunakan teknologi dan data digital [3]. Istilah digitalisasi ini merujuk kepada penggunaan teknologi dan data digital untuk memulihkan sektor perniagaan, pendapatan dan mewujudkan budaya digital. Secara praktiknya, data digital digunakan sebagai pemangkin utama bagi keseluruhan proses perniagaan dan pencapaian tahap digitalisasi menjadi lebih efisien, produktif dan menguntungkan. Oleh yang demikian, industri pelancongan negara telah mengorak langkah ke arah digitalisasi menerusi matlamat digital dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 [4].

Antara inisiatif negara dalam menjurus kepada digitalisasi dalam sektor pelancongan adalah dengan memperkenalkan Brosur Digital Interaktif Tourism Malaysia menerusi laman web di ebrochures.malaysia.travel pada tahun 2021 [5]. Ianya merupakan satu platform yang telah menjenamakan semula brosur pelancongan tempatan kepada bentuk interaktif dan seterusnya dapat memupuk budaya digital di kalangan rakyat dan juga pelancong. Pelancongan digital juga bukanlah satu perkara yang baru dalam negara kita. Pada tahun 2018, pelancongan SMART 4.0 telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi mengetengahkan digitalisasi dalam sektor pelancongan negara.

Antara contoh digitalisasi yang membabitkan usahawan industri pelancongan adalah usahawan dalam sektor penginapan. Dalam sektor penginapan, penggunaan digitalisasi adalah seperti penggunaan platform pemasaran digital, sistem tempahan dan penggunaan transaksi bayaran dalam talian. Manakala dalam sektor pengangkutan, penggunaan digitalisasi adalah seperti penggunaan platform pemasaran digital, sistem tempahan dalam talian, penggunaan kod QR dan kiosk daftar masuk digital. Sebagai contoh, perkhidmatan e-hailing kini menjadi pilihan pelancong untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain.

Secara kesimpulannya, digitalisasi telah digunakan secara meluas oleh usahawan pelancongan sehingga kini terutamanya dalam fasa peralihan kepada fasa endemik ini. Fasa endemik ini juga diharap dapat memberi kesan yang ketara, terutamanya kepada sektor pelancongan negara. Semoga perkembangan positif ini fasa endemik ini akan membolehkan usahawan pelancongan memulihkan momentum perniagaan, sekali gus akan memacu pemulihran ekonomi di Malaysia.

RUJUKAN

- [1] Tourism Malaysia Corporate Site. (n.d.). www.tourism.gov.my. <https://www.tourism.gov.my/media/view/sektor-pelancongan-menyumbang-sebanyak-rm86-14-bilion-kepada-ekonomi-malaysia-dengan-ketibaan-26-1-juta-pelancong-pada-tahun-2019>
- [2] Tourism Malaysia. (2021). Tourism Malaysia Corporate Site. [Tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my). <https://www.tourism.gov.my/statistics>
- [3] Rahiza. (2021, May 25). DIGITASI, DIGITALISASI DAN TRANSFORMASI DIGITAL: Apakah Perbezaanya? Kolej Sepuluh UPM. https://k10.upm.edu.my/artikel/digitasi_digitalisasi_dan_transformasi_digital_apakah_perbezaanya-61598
- [4] Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 - 2030 - Portal Rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. (n.d.). www.motac.gov.my. Retrieved April 11, 2022, from <https://www.motac.gov.my/muat-turun/category/114-dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030>
- [5] Tourism Malaysia. (2022). Travel. <http://ebrochures.malaysia.travel>.